



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA SEGERA**

### **SARAWAK HARI INI MEREKODKAN SEORANG (1) LAGI KEMATIAN DAN DUA PULUH DUA (22) LAGI KES BAHARU POSITIF COVID-19**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Sarawak hari ini merekodkan **seorang (1)** lagi kes kematian menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian adalah **15 kes**.

**Mangsa kelima belas** kes kematian adalah seorang lelaki berumur 69 tahun. Kes telah mula sakit pada 03 April dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak pada 06 April 2020. Keputusan sampel kes pada 07 April adalah Positif untuk COVID-19. Kes mempunyai *co-morbid* dan telah meninggal dunia pada 21 April jam 2.28 pagi. Kes tidak mempunyai sejarah kontak kepada mana-mana kes positif COVID-19 yang dikenalpasti setakat ini.

Manakala **dua puluh dua (22) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **436 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Kesemua 22 kes tersebut dirawat di Hospital Umum Sarawak.

Manakala, sebanyak **190 kes baharu** *Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan dan **191 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

Pada hari ini terdapat **(20) lagi** kes positif **telah sembuh dan telah discaj dari hospital** menjadikan jumlah keseluruhan kes adalah **88**.

Bagi jumlah Kadar Insiden Kes positif bagi 100 ribu penduduk Sarawak hari ini adalah **13.7** peratus.

Berikut adalah Jumlah Kluster yang telah dikenalpasti:

<b>BIL</b>	<b>Kluster</b>	<b>JUMLAH KES POSITIF</b>
1	Kuching Conference	139
2	Tabligh	95
3	Family RK	59
4	17 Sub Kluster	57
5	3 kluster Kecil (tidak diketahui jangkitan)	10
6	Masih dalam siasatan (22 yang baru)	76
<b>JUMLAH</b>		<b>436</b>

## **2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP**

- a) Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **97%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **93 orang** kerana melanggar PKP dan **75 orang** telah dituduh di Mahkamah.
- b) Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **1,328 orang** telah ditangkap dan **668 orang** telah dituduh di Mahkamah.

### **3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI SURVEILLANCE CENTER**

- a) Pada hari ini seramai **64 orang** lagi (*Person Under Surveillance*) baru telah mendaftar masuk di hotel menjadikan jumlah keseluruhan adalah **1,270 orang** telah dikuarantin di **17 buah hotel** di seluruh negeri Sarawak. Manakala **seramai 288** telah lengkap menjalani tempoh kuarantin dan telah dibenarkan pulang ke rumah.

### **4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

- a) Bagi membolehkan suri rumah serta peniaga kecil dan serdahana membuat persediaan bagi membuat kuih-muih menjelang Gawai dan Hari Raya nanti, JPBN bersetuju untuk **MEMBENARKAN** kedai -kedai menjual barangan (Plastik / Kontena)(*aksesori*) dan bahan-bahan kuih dibuka dua (2) kali seminggu iaitu pada hari Rabu dan Jumaat dari pukul 7.00 pagi hingga 7.00 petang.
- b) Semua kedai dobi termasuk perkhidmatan dobi layan diri tidak **DIBENARKAN** beroperasi sepanjang tempoh PKP ini.
- c) Untuk membolehkan semua kasual kontak yang belum dikesan di bahagian Samarahan, tempat saringan telah disediakan di UNIMAS Secara Pandu Lalu untuk membolehkan semua kasual kontak dapat membuat saringan.

d) Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan membantu bagi memantau kebajikan dan kesihatan seramai **138,183** orang pekerja asing di Sarawak. Ini penting untuk memastikan kumpulan ini akan sentiasa diawasi agar tidak dijangkiti COVID-19.

## **6. RUMUSAN**

Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP **97%**. Saya menyeru agar rakyat Sarawak terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan demi mengekang penularan COVID-19 ini daripada terus merebak.

**(STAY AT HOME, STOP THE SPREAD AND SAVE LIFE)**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**21 APRIL 2020**

**4.30 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. STATISTIK KES PUI BAHARU MENGIKUT DAERAH 21.04.2020.**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Kuching	136
2	Samarahan	16
3	Serian	16
4	Miri	12
5	Bau	4
6	Lundu	2
7	Lubok Antu	2
8	Tebedu	1
9	Bintulu	1
<b>JUMLAH</b>		<b>190</b>

**2. PEMATUHAN PKP**

Berikut adalah kes Tangkapan Harian mengikut Daerah (sehingga 21.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Sibu	33
2	Kuching	25
3	Simunjan	6
4	Miri	5
5	Padawan	4
6	Saratok	4
7	Belaga	4
8	Kota Samarahan	3

9	Limbang	3
10	Marudi	3
11	Bau	1
12	Kapit	1
13	Betong	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>93</b>

Berikut adalah kes Dituduh Harian mengikut Daerah (sehingga 21.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Sibu	17
2	Kuching	16
3	Padawan	8
4	Lubok Antu	6
5	Sri Aman	6
6	Miri	5
7	Song	4
8	Betong	3
9	Saratok	3
10	Tatau	3
11	Bintulu	2
12	Julau	1
13	Limbang	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>75</b>

**3. MAKLUMAT *SURVEILLANCE CENTER* DI HOTEL**

(Data sehingga 21.04.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching	Hock Lee	31
2		Rajah Court Dormani	0
3		Kuching Park	77
4		Pullman	264
5	Miri	Mega	76
6		Somerset	13
7		Ostay Inn	17
8		Cosy Inn	48
9		Imperial Palace	144
10		Eastwood Resort	18
11		Imperial	132
12		Kingwood	26
13		Paragon	68
14		Bintulu	Wasan Inn
15	Park City Everly		232
16	Limbang	Purnama	73
17		Seri Malaysia (Lawas)	30
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,270</b>

#### **4. OPERASI PBT DAN NYAHCEMAR**

Pada hari ini, sebanyak **20 lokasi operasi nyahcemar** telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah **286 lokasi** seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	97
2	Miri	64
3	Limbang	25
4	Bintulu	24
5	Sarikei	20
6	Samarahan	20
7	Sri Aman	11
8	Kapit	9
9	Betong	8
10	Sibu	7
11	Serian	1
<b>Jumlah</b>		<b>286</b>